

**MURNIZAM** (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama pegawai yang menyambut ketibaan beliau di perkarangan Bangunan Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

## Murnizam pengarah UMSKAL yang baharu

UB 28-8-2014 A8

LABUAN: Mantan Dekan Sekolah Psikologi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dilantik sebagai pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang baharu berkuatkuasa dua tahun sehingga 2016.


Beliau menggantikan Prof Madya Dr Ismail Ali yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS yang baharu.

Murnizam, 42, anak kelahiran Petagas, Putatan mendapat pendidikan awal di Sacred Heart Kota Kinabalu dan Sekolah Menengah La Salle, Kota Kinabalu.

Pada 1990, beliau melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), University of Hull (1997) dan University Exeter Devon United Kingdom (2003-2006).

Beliau merupakan Ketua Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial UMS pada 2008 – 2010 sebelum menjadi Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS pada 2010 – Mei 2014.

Menyentuh harapannya, Murnizam mahu semua pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan bekerja sebagai satu pasukan menjayakan misi dan visi UMS ke arah kecemerlangan dalam pendidikan dan kokurikulum



**MURNIZAM** mengetik perakam waktu sambil diperhatikan Geoffrey (kiri) dan Zamri.

serta sahsiah.

Katanya, selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, beliau mengamalkan dasar pintu terbuka kepada semua warga UMSKAL untuk mengadakan perbincangan dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan universiti, pentadbiran, akademik dan prasarana pelajar.

“Saya mahu memastikan keselesaan warga universiti khususnya pelajar di samping pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan,” katanya selepas mengadakan pertemuan pertama bersama pegawai kanan UMSKAL di Bilik Seminar, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Ketibaan beliau di perkarangan universiti kira-kira jam 10.30 pagi itu disambut Timbalan Pengarah Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Zamri Mohamad Tuah.

Seterusnya, Murnizam mengetik perakam waktu sebagai simbolik melapor diri sebagai pengarah UMSKAL yang keempat.

Sambil mahu meneruskan usaha-usaha yang dilakukan Ismail sebelum ini, Murnizam berazam meletakkan UMSKAL sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menjadi pilihan utama ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka menimba ilmu di peringkat lebih tinggi.